

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)

1 Apakah itu Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET?

- Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET merupakan program inisiatif daripada Kerajaan di bawah Belanjawan 2023 yang bertujuan untuk memperkasakan pasaran buruh bagi meningkatkan potensi peserta untuk memperoleh peluang pekerjaan melalui pengajian dan pensijilan *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) atau microcredential atau profesional atau kompetensi yang diiktiraf oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) / Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) / Malaysian Qualification Agency (MQA) / badan ikhtisas / badan peneraju industri seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Malaysian Institute of Accountants (MIA), Society of Actuaries (SOA) dan setaraf dengannya.
- Kumpulan sasaran di bawah Program Kerjaya TVET adalah memberikan fokus kepada graduan TVET atau lepasan sekolah yang menganggur sekurang-kurangnya bagi tempoh 2 bulan.
- Kumpulan sasaran bagi Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal adalah pekerja gig atau Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.

2 Bilakah tarikh kuatkuasa Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET?

- Tarikh kuatkuasa pelaksanaan program ini bermula pada **1 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh Kerajaan.

3 Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Penyedia Latihan untuk dilantik sebagai Penyedia Latihan PERKESO serta Kursus Latihan yang ditawarkan bagi Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET?

- Syarat Pelantikan Penyedia Latihan
 - i. Penyedia Latihan yang telah berdaftar sebelum 1 Januari 2023 dan aktif mencarum bersama PERKESO di bawah Akta 4 dan Akta 800 secara berturut-turut selama satu (1) tahun pada tahun 2021 atau tahun 2022. Syarat ini dikecualikan kepada IPTS serta agensi dan badan kerajaan.
 - ii. Penyedia Latihan telah beroperasi minimum satu (1) tahun ke atas dari tarikh permohonan dibuat.
 - iii. Penyedia Latihan hendaklah mempunyai salah satu kelayakan pentaulahan pusat latihan seperti berikut dengan pembuktian dokumen yang sewajarnya.
 - a. Penyedia Latihan yang mempunyai kelayakan kemahiran pentaulahan daripada JPK atau MQA atau setaraf; atau
 - b. Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah mana-mana kementerian; atau
 - c. Institusi pengajian awam atau swasta yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)



- Syarat Pelantikan Kursus Latihan
 - i. Kursus latihan mestilah mempunyai pentaulahan pensijilan *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) atau microcredential atau profesional atau kompetensi yang diiktiraf oleh IPTA / IPTS / JPK / MQA / badan ikhtisas / badan peneraju industri seperti daripada ACCA, MIA, SOA dan setaraf dengannya.
 - ii. Kursus latihan yang ditawarkan mestilah mempunyai nilai tinggi dan bersesuaian dengan kebolehpasaran pekerjaan semasa.
 - iii. Harga kursus latihan bagi setiap kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-
 - a. Bagi Profesional dan microcredential tidak melebihi RM4,000 bagi setiap individu.
 - b. Bagi *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) dan kompetensi tidak melebihi RM2,500 bagi setiap individu.
 - iv. Mod kelas latihan yang ditawarkan mestilah secara **fizikal** atau **hibrid**. Latihan secara atas talian sepenuhnya adalah tidak dibenarkan.
 - v. Tempoh jam pembelajaran mestilah di antara 40 jam sehingga 160 jam bagi satu (1) kursus latihan.

4 Apakah yang dimaksudkan dengan pengajian RPEL dan microcredentials?

- Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang juga dikenali sebagai *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) adalah merupakan satu kaedah memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki secara PPT.
- *Microcredentials* atau “penaulahan-mikro” merupakan satu konsep pensijilan secara digital atau satu sistem pentaulahan yang memberikan pengiktirafan terhadap pemerolehan atau peningkatan pengetahuan, kemahiran atau kompetensi spesifik pada kadar mikro, yang diikuti oleh peserta dalam tempoh tertentu, melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan menerusi platform fizikal atau atas talian, dengan kaedah penaksiran yang dapat mengukur pencapaian hasil pembelajaran atau kompetensi tertentu secara objektif.
- Kursus latihan yang boleh ditawarkan kepada PERKESO bagi tahap pensijilan microcredential adalah terbuka sama ada mendapat akreditasi daripada MQA atau mandiri (*stand-alone*).

5 Bilakah Penyedia Latihan boleh membuat pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO?

- Tarikh pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO di bawah program ini bermula pada **20 April** sehingga **31 Mei 2023** di Portal Kerjaya MADANI melalui <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)

6 Apakah dokumen yang diperlukan bagi pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO?

- Penyedia Latihan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 2 Tahun 2023 di pautan Portal Kerjaya MADANI melalui <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>

7 Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Latihan dalam melaksanakan program ini?

- Penyedia Latihan hendaklah menjalankan latihan kepada peserta selepas mendapat Surat Kelulusan. Surat Kelulusan tersebut akan tamat tempoh sekiranya Penyedia Latihan tidak menjalankan latihan dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh Surat Kelulusan.
- Penyedia Latihan hendaklah menjalankan latihan mengikut butiran kandungan seperti yang ditetapkan di dalam surat kelulusan.
- Penyedia Latihan hendaklah menyediakan Laporan Akhir yang merangkumi:
 - jadual tentatif latihan;
 - rekod kedatangan peserta jalani latihan;
 - rekod bergambar peserta jalani latihan secara individu; dan
 - salinan sijil RPEL / *microcredential* / profesional / kompetensi.
- Penyedia Latihan hendaklah membuat tuntutan dengan mengemukakan invois tuntutan mengikut kehadiran setiap peserta.
- Penyedia Latihan hendaklah membuat tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tamat latihan bagi setiap peserta kepada PERKESO. PERKESO berhak untuk membuat penolakan tuntutan yang dibuat selepas tempoh 14 hari dari tarikh tamat latihan.

8 Bagaimanakah pembayaran Yuran Latihan dilaksanakan kepada Penyedia Latihan?

- Penyedia Latihan hendaklah membuat tuntutan Yuran Latihan di Portal Kerjaya MADANI melalui <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>
- Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun Penyedia Latihan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima.

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)

9 Apakah tanggungjawab Penyedia Latihan di bawah program ini?

- Penyedia Latihan hendaklah memastikan peserta hadir jalani latihan mengikut ketetapan Surat Kelulusan.
- Penyedia latihan hendaklah merekodkan kehadiran peserta setiap bulan di Portal Kerjaya MADANI.
- Penyedia Latihan hendaklah memaklumkan kepada PERKESO sekiranya peserta tidak hadir atau tidak menjalani latihan.
- Penyedia Latihan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran kursus latihan.
- Rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan dan tuntutan hendaklah disimpan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.

10 Adakah PERKESO akan melakukan semakan dan pemantauan ke atas Penyedia Latihan di bawah program ini?

- Ya. PERKESO **berhak** untuk melakukan semakan dan pengesahan semula pada bila-bila masa mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap mana-mana Penyedia Latihan atau peserta yang telah mendapat kelulusan di bawah program ini dan membuat apa-apa keputusan susulan yang sewajarnya berdasarkan hasil semakan dan pengesahan semula tersebut.
- PERKESO **berhak** mengambil tindakan pemeriksaan dengan meminta Penyedia Latihan untuk mengemukakan sebarang dokumen pembuktian berkaitan program ini serta melakukan sebarang lawatan pemeriksaan mengejut di premis Penyedia Latihan.

11 Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Penyedia Latihan sekiranya peserta tidak hadir menjalani latihan?

- Bagi peserta yang tidak hadir menjalani latihan, Penyedia Latihan perlu memaklumkan kepada PERKESO dengan serta merta melalui pautan <https://bit.ly/3n2dLSW> bagi tindakan lanjut oleh PERKESO. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan bayaran tidak akan diluluskan.

12 Adakah Penyedia Latihan akan menerima bayaran di bawah program ini sekiranya peserta hadir diluar tempoh sah Surat Kelulusan?

- Tidak. PERKESO tidak akan membayar Yuran Latihan sekiranya latihan dijalankan diluar tempoh sah Surat Kelulusan.

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)

- 13 Adakah Penyedia Latihan akan menerima bayaran di bawah program ini sekiranya latihan dijalankan terlebih dahulu sebelum mendapat Surat Kelulusan?**
- **Tidak.** PERKESO tidak akan membayar Yuran Latihan sekiranya latihan dijalankan terlebih dahulu sebelum mendapat Surat Kelulusan.
-
- 14 Adakah penyedia latihan boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi tujuan untuk menjalankan latihan?**
- **Tidak.** Penyedia latihan adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk meminta peserta ke latihan yang dijalankan oleh penyedia latihan lain walaupun kandungan kursus adalah sama atas dasar kerjasama bersama penyedia latihan lain.
-
- 15 Bagaimanakah Penyedia Latihan hendak membuat semakan status permohonan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO?**
- Semakan status permohonan pendaftaran sebagai Penyedia Latihan PERKESO boleh dilakukan di Portal Kerjaya MADANI.
 - Sekiranya permohonan diluluskan, Penyedia Latihan akan menerima Surat Pelantikan Penyedia Latihan dan Surat Kelulusan Kursus Latihan.
 - Sekiranya permohonan ditolak, Penyedia Latihan akan menerima surat pemakluman penolakan. Memandangkan jumlah sasaran penerima adalah terhad, sebarang rayuan tidak dipertimbangkan.
-
- 15 Apakah tindakan yang boleh diambil oleh PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah tidak benar ataupun palsu?**
- PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. **Menolak serta membatalkan semua Surat Kelulusan** sekiranya Penyedia Latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu, tidak benar atau tidak betul sewaktu permohonan tuntutan dibuat atau semasa permohonan diproses.
 - ii. **Menolak semua tuntutan Yuran Latihan** sekiranya Penyedia Latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu, tidak benar atau tidak betul sewaktu permohonan tuntutan dibuat atau semasa permohonan diproses.
 - iii. **Menolak tuntutan Yuran Latihan** bagi kes-kes tertentu sekiranya Penyedia Latihan tidak mematuhi atau melanggar apa-apa terma, syarat-syarat pelaksanaan latihan sewaktu permohonan tuntutan dibuat atau semasa permohonan diproses.

Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal & Kerjaya TVET (Penyedia Latihan)

- iv. **Menangguhkan dan memberhentikan bayaran** jika tuntutan atau bayaran yang dibuat oleh PERKESO adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika peserta atau Penyedia Latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas; dan
- v. **Mengambil apa-apa tindakan undang-undang** menerusi laporan kepada PDRM, SPRM atau mana-mana agensi lain yang bersesuaian untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar kepada peserta dan Penyedia Latihan, sekiranya peserta atau Penyedia Latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau peserta atau Penyedia Latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut
- vi. **Menggantung atau menangguhkan kelayakan tuntutan baharu** daripada peserta latihan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.

17 Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program ini?

- Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau aduan secara atas talian melalui <https://epertanyaan.perkeso.gov.my>

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
DIKEMASKINI PADA 27 APRIL 2023**